



World Kids Colouring Day 2026

Pertandingan Melukis & Mewarna Dalam Talian Peringkat Kebangsaan

Football, Friends & Colouring Fun

Terma & Syarat

1. Pertandingan Melukis & Mewarna Dalam Talian Peringkat Kebangsaan ini dianjurkan oleh STAEDTLER Marketing Sdn. Bhd., yang juga dikenali sebagai STAEDTLER Malaysia (selepas ini dirujuk sebagai Penganjur)
2. Pertandingan ini terbuka kepada kanak-kanak berumur **3 hingga 12 tahun** yang menetap di Malaysia
3. Tempoh Pertandingan adalah dari **1 April hingga 30 Jun 2026**
4. Pertandingan ini mempunyai **tiga (3) kategori**:
 - Kategori A: 3 – 6 tahun
 - Kategori B: 7 – 9 tahun
 - Kategori C: 10 – tahun
5. Semasa menghantar karya, umur peserta hendaklah berdasarkan **tahun kelahiran** mereka (contoh: lahir pada 2016, umur peserta adalah 10 tahun)
6. Peserta dikehendaki **memuat turun templat mewarna pertandingan melalui laman web** dan mencetak pada kertas A4

(atau)

melukis dan mewarna berdasarkan tema tahun ini: **“Football, Friends & Coloring Fun”** pada kertas A4 (menegak atau melintang)
7. **Tiada sebarang yuran** dikenakan untuk menyertai pertandingan ini
8. Gunakan **mana-mana produk STAEDTLER** untuk menyiapkan karya seni



9. Karya seni **MESTI** dilukis dan diwarnakan sendiri oleh peserta. Karya yang disunting secara digital atau menggunakan A.I. tidak dibenarkan dan jika dikesan, tidak akan layak untuk dinilai. Peserta akan dinilai berdasarkan originaliti, kreativiti, dan idea mereka. Ibu bapa, guru, dan penjaga bertanggungjawab memastikan karya asli peserta dihantar
10. Peserta **dibenarkan dan digalakkan** menghantar lebih daripada satu (1) karya
11. Peserta **tidak dibenarkan** menggambarkan atau mencadangkan topik sensitif seperti perkara tabu, provokatif, agama, kaum, politik, negatif, atau menyinggung dalam karya mereka. Kegagalan mematuhi akan mengakibatkan **disingkirkan serta-merta** dari pertandingan
12. Untuk melengkapkan penghantaran, sertakan maklumat berikut:
 - Nama Penuh Peserta
 - Umur Peserta (*mengikut tahun kelahiran*)
 - Nama & Kod Sekolah
 - Nama Ibu Bapa/Guru/Penjaga
 - Nombor Telefon Ibu Bapa/Guru/Penjaga
 - Alamat Rumah/Sekolah
 - Emel Ibu Bapa/Guru/Penjaga
13. Karya boleh dihantar melalui tiga (3) cara dalam talian:

Kaedah #1: Muat Naik Terus di Laman Web Pertandingan

 - Isi borang penyertaan di: www.staedtler.com/my/worldkidscolouringday
 - Muat naik dua (2) lampiran:
 - ✓ Gambar jelas karya siap (*pandangan atas, karya mestilah rata*)
 - ✓ Gambar jelas peserta + karya + produk STAEDTLER yang digunakan

*Semua lampiran mesti dalam format **.jpg atau .png**

(atau)

Kaedah #2: E-mel Terus ke STAEDTLER Malaysia

- E-mel penyertaan kepada: Info.MY@staedtler.com
- Tajuk E-mel: World Kids Colouring Day 2026
- Sertakan dua (2) lampiran:
 - ✓ Gambar jelas karya siap (*pandangan atas, karya mestilah rata*)
 - ✓ Gambar jelas peserta + karya + produk STAEDTLER yang digunakan
 - ✓ *Semua lampiran mesti dalam format **.jpg atau .png**
- Sertakan semua maklumat seperti di Perkara No. 12



(atau)

Kaedah #3: Penghantaran Melalui Sekolah

- Guru/sekolah memuat turun templat mewarna dan cetak pada kertas A4
- Muat turun templat penyertaan pelajar dari laman web atau minta daripada Penganjur
- Isi templat Excel dan hantar melalui e-mel ke Penganjur
- Tajuk e-mel: World Kids Colouring Day 2026 (Nama Sekolah & Kod Sekolah)
- Setiap sekolah mesti menghantar untuk setiap pelajar:
 - ✓ 1 gambar jelas karya siap
 - ✓ 1 gambar jelas peserta + karya + produk STAEDTLER digunakan
- Semua lampiran mestilah dalam .jpg atau .png
- Simpan semua gambar dalam folder berasingan dan namakan fail menggunakan nama pendek dan umur peserta (contoh: Nur Alia A_10)
- Untuk fail besar, sekolah digalakkan menggunakan WeTransfer dan hantarkan pautan melalui e-mel

*Nama Sekolah / Name of School : SK RAJA MUDA		
*Kod Sekolah / School Code : BBA8213		
*Nama Guru yang Bertanggungjawab/ Name of Teacher in Charge : Puan Shanti P.		
*Alamat Sekolah / School Address : Persiaran Dato Menteri, Seksyen 4, 40000 Shah Alam, Selangor		
*No. Talifon Guru / Teacher's Contact Number : 03-5519 5148 / 012-3456789		
*E-mel Guru atau Sekolah / Teacher or School Email : BBA8213@moe.edu.my		
*No	*Nama Peserta / Participant's Name	*Umur / Age (Ikut tahun lahiran / Follow Year of Birth)
1	NUR ALIA BINTI AMIDON	10

14. Tarikh tutup penghantaran karya: 30 Jun 2026, 11:59 malam (waktu Malaysia)

15. Insentif Penyertaan Sekolah

- Enam (6) sekolah dengan jumlah karya sah tertinggi akan menerima insentif berbentuk kewangan dan produk STAEDTLER untuk memperkaya kelas/program seni mereka, berdasarkan tier berikut:

Tier Penyertaan	Bilangan Sekolah yang Menerima Insentif	Insentif
2,000 penyertaan ke atas	1 sekolah	Sokongan kewangan RM1,000 + produk STAEDTLER bernilai RM1,000
1,000 penyertaan ke atas	1 sekolah	Sokongan kewangan RM500 + produk STAEDTLER bernilai RM1,000
500 penyertaan ke atas	2 sekolah	Sokongan kewangan RM300 + produk STAEDTLER bernilai RM1,000
300 penyertaan ke atas	2 sekolah	Sokongan kewangan RM200 + produk STAEDTLER bernilai RM1,000



- Sekolah akan diberi ranking berdasarkan jumlah karya sah yang diterima
- Setiap sekolah layak untuk satu tier insentif sahaja, berdasarkan tier tertinggi dicapai
- Jika lebih sekolah layak dalam satu tier, sekolah dengan jumlah karya tertinggi akan dipilih
- Insentif ini terbuka kepada semua Sekolah Kebangsaan (SK), Sekolah Jenis Kebangsaan (SJK), sekolah swasta dan antarabangsa, serta sekolah seni dan pusat seni di Malaysia
- Penganjur berhak memeriksa jumlah karya dan menentukan kelayakan akhir sekolah
- Penganjur berhak menyesuaikan atau menahan insentif jika syarat kelayakan tidak dipenuhi

16. Penganjur bersama panel hakim dalaman akan memilih karya terpilih dan penentuan pemenang berdasarkan penilaian skor kad

17. Peserta yang karya mereka disenarai pendek perlu menghantar karya asal ke Penganjur dalam tempoh ditetapkan. Semua karya yang dihantar menjadi hak milik Penganjur dan tidak akan dipulangkan

18. Hadiah Pertandingan setiap kategori:

Kategori A (3 – 6 Tahun)

- Hadiah Pertama x 1 pemenang: Produk STAEDTLER bernilai RM500 + Sijil
- Hadiah Kedua x 1 pemenang: Produk STAEDTLER bernilai RM400 + Sijil
- Hadiah Ketiga x 1 pemenang: Produk STAEDTLER bernilai RM300 + Sijil
- Hadiah Keempat x 1 pemenang: Produk STAEDTLER bernilai RM200 + Sijil
- Hadiah Kelima x 1 pemenang: Produk STAEDTLER bernilai RM100 + Sijil
- Hadiah Saguhati x 18 pemenang: Produk STAEDTLER bernilai RM80 + Sijil

Kategori B (7 - 9 Tahun)

- Hadiah Pertama x 1 pemenang: Produk STAEDTLER bernilai RM500 + Sijil
- Hadiah Kedua x 1 pemenang: Produk STAEDTLER bernilai RM400 + Sijil
- Hadiah Ketiga x 1 pemenang: Produk STAEDTLER bernilai RM300 + Sijil
- Hadiah Keempat x 1 pemenang: Produk STAEDTLER bernilai RM200 + Sijil
- Hadiah Kelima x 1 pemenang: Produk STAEDTLER bernilai RM100 + Sijil
- Hadiah Saguhati x 18 pemenang: Produk STAEDTLER bernilai RM80 + Sijil

Kategori C (7 - 9 Tahun)

- Hadiah Pertama x 1 pemenang: Produk STAEDTLER bernilai RM500 + Sijil
- Hadiah Kedua x 1 pemenang: Produk STAEDTLER bernilai RM400 + Sijil
- Hadiah Ketiga x 1 pemenang: Produk STAEDTLER bernilai RM300 + Sijil
- Hadiah Keempat x 1 pemenang: Produk STAEDTLER bernilai RM200 + Sijil
- Hadiah Kelima x 1 pemenang: Produk STAEDTLER bernilai RM100 + Sijil
- Hadiah Saguhati x 18 pemenang: Produk STAEDTLER bernilai RM80 + Sijil



19. Hadiah **tidak boleh dipindah milik**. Penganjur berhak menukar hadiah dengan nilai/jenis yang setara jika perlu
20. Pemenang akan dimaklumkan melalui **e-mel dan/atau panggilan telefon**, hadiah dihantar melalui kurier
21. **Markah PAJSK**: Peserta layak menerima markah PAJSK Tahap 2. Pastikan maklumat nama, umur, nama sekolah & kod sekolah diisi dengan tepat
22. Keputusan pemenang adalah **muktamad** dan diumumkan di laman web dan media sosial STAEDTLER Malaysia (Facebook & Instagram)
23. Semua peserta akan menerima **Sijil Digital**
24. Pertandingan ini **ditaja sepenuhnya oleh STAEDTLER Malaysia dan tidak berkaitan dengan Facebook, Instagram atau mana-mana rakan sosial/amal**
25. Penganjur berhak **mengubah, menambah atau membuang** mana-mana terma tanpa notis. Penyertaan dianggap **bersetuju mematuhi semua peraturan**, kegagalan mematuhi akan menyebabkan **diskualifikasi**
26. Karya dan maklumat yang dihantar menjadi **hak milik Penganjur dan tidak akan dipulangkan**
27. Dengan menyertai pertandingan ini, peserta bersetuju bahawa Penganjur boleh mengumpul dan menggunakan **maklumat peribadi serta gambar mereka** untuk tujuan pertandingan ini. Data peribadi peserta (contohnya: nama, sekolah, emel) akan dikumpul dan digunakan **hanya untuk tujuan pertandingan**, termasuk **pengagihan hadiah dan pengumuman pemenang**. Semua data akan dipadam selepas pertandingan tamat. Peserta boleh menarik persetujuan penggunaan data dengan menghubungi **Info.MY@staedtler.com**, yang akan **mengakibatkan penyertaan mereka dibatalkan**. Untuk maklumat lanjut mengenai perlindungan data, sila lawati: <https://www.staedtler.com/intl/en/legal/privacy-policy/>
28. Dengan menyertai Pertandingan ini, peserta memberi **kebenaran kepada Penganjur** untuk menggunakan dan berkongsi maklumat, karya seni, dan gambar mereka untuk **tujuan promosi Pertandingan/Kempen ini**, serta untuk **pertandingan dan kempen masa depan**. Penganjur **tidak akan bertanggungjawab** terhadap sebarang kecederaan, pelanggaran data peribadi, kerugian, kos, atau kerosakan dalam apa jua bentuk—termasuk kematian atau kerosakan harta—yang mungkin berlaku, sama ada secara langsung atau tidak langsung, akibat daripada:
 - Memuat turun, mencetak, menghasilkan, dan menghantar penyertaan
 - Menyertai Pertandingan ini
 - Menerima, memiliki, menggunakan, atau menyalahgunakan hadiah



Peserta bersetuju untuk **membebaskan Penganjur daripada sebarang liabiliti** berkaitan, termasuk kecederaan, kerugian, kos, atau kerosakan seperti yang dinyatakan di atas

29. Selain daripada terma penyertaan ini, hubungan antara Penganjur, Peserta, dan Facebook atau Instagram adalah tertakluk kepada **terma penggunaan dan polisi privasi Facebook** (<https://www.facebook.com/legal/terms>) dan **Instagram** (<https://www.facebook.com/help/instagram/47874558852511>)
30. Penganjur berhak untuk **membatalkan atau menamatkan Pertandingan pada bila-bila masa**, termasuk jika:
- a) **Terma penggunaan atau polisi Facebook/Instagram berubah semasa tempoh Pertandingan, dan Pertandingan tidak lagi dibenarkan dijalankan mengikut terma semasa platform tersebut, atau masalah teknikal memerlukan pembatalan**
(atau)
 - b) **Terdapat manipulasi atau penyertaan tidak sah, atau kelancaran Pertandingan tidak dapat dijamin, termasuk kegagalan perkakasan/perisian, ralat pengaturcaraan, virus komputer, campur tangan pihak ketiga tanpa kebenaran, serta masalah mekanikal, teknikal, atau undang-undang lain**
31. Penganjur berhak untuk **mengubah, meminda, membuang, atau menambah** mana-mana Terma dan Syarat ini tanpa notis awal. Peserta yang layak akan terikat dengan sebarang perubahan tersebut
32. Dengan menyertai Pertandingan ini, peserta **mengakui dan menjamin bahawa mereka telah membaca dan memahami sepenuhnya peraturan dan kandungannya**
33. Pertandingan ini, peraturan, dan Terma & Syarat adalah **tertakluk kepada undang-undang Malaysia** dan ditafsirkan mengikut undang-undang tersebut

Sebarang pertanyaan?

E-mel: Info.MY@staedtlr.com (Tajuk e-mel: *World Kids Colouring Day 2026*)